



SIARAN MEDIA

LAWATAN KERJA

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KE TAPAK PEMBANGUNAN MEDIA CITY ANGKASAPURI

Media City pemangkin infrastruktur teknologi penyiaran digital negara bertaraf antarabangsa

Kuala Lumpur, 12Julai 2018 – Lawatan kerja YB Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia ketapak pembangunan Media City pada hari ini adalah untuk meninjau kemajuan projek Media City yang telah dicadangkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2009. Projek yang mengambil konsep dan idea daripada Bandar Media, United Kingdom ini bertujuan menaik taraf dua saluran transmisi analog sedia ada kepada 10 saluran HD.

YB Gobind telah diberi taklimat khas mengenai kemajuan projek ini dan kemudiannya dibawa melawat ke sekitar tapak projek yang diketuai oleh Datuk Sri Syed Faisal Albar, Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM Berhad dan diiringi oleh Dato' Dr. Mohd Ali Mohamad Nor, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Haji Abdul Muis Shefii, Timbalan Ketua Pengarah Penyiaran Strategik, Radio Televisyen Malaysia (RTM). Anak syarikat DRB-HICOM, Media City adalah kontraktor utama projek tersebut.

YB Gobind menyarankan agar RTM menonjolkan imej baharu bagi memastikan stesen televisyen paling utama ini mampu bersaing secara sihat atau lebih baik berbanding stesen televisyen swasta tempatan dan juga di peringkat antarabangsa.

Projek Media City ini bakal dilengkapi dengan infrastruktur moden seiring dengan perubahan teknologi semasa kearah rangkaian TV digital yang komprehensif. Dengan penaikan taraf ini juga, Malaysia mampu mencapai piawaian antarabangsa seperti Bandar Media di Dubai, Sydney, Singapura dan Manchester.

Projek Media City terbahagi kepada tiga komponen utama. Komponen pertama dan kedua merupakan kerja-kerja pengubahsuaian pada bangunan sedia ada serta mereka bentuk, membekakan dan memasang sistem penyiaran. Manakala komponen yang ketiga ialah reka bentuk, membina dan melengkapkan kemudahan baharu. Kemajuan kerja bagi fasa pertama telah mencapai 91% dan dijangka selesai sepenuhnya pada 11 September 2018.

Bagi fasa kedua pula, status kemajuan kerja adalah 17% seperti yang dirancang dan dijangka siap sepenuhnya pada 11 Jun 2019.

Status kemajuan kerja bagi mereka bentuk, membina, melengkap, mentauliah dan meyelenggara kerja-kerja infrastruktur, bangunan dan peralatan Media City adalah 25% seperti yang disasarkan, dan dijangka selesai sepenuhnya pada 11 Jun 2020.

Media City ini dijangka akan menjadi pemangkin untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur penyiaran kebangsaan dan merupakan sebahagian daripada rancangan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dalam memastikan infrastruktur teknologi penyiaran digital di negara ini mencapai taraf antarabangsa selaras dengan bandar seperti di negara maju.

***Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
12 Julai 2018***

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Rossilawati Alias, Ketua Penolong Setiausaha I di talian 019-3762678 atau Puan Salmah Ramli di talian 013-2557548.

Untuk maklumat lanjut di pihak RTM, sila hubungi En Alex Reza Shariman Othman, Pengarah Perhubungan Raya di talian 019-3551670 atau En Sariman Abdullah di talian 019-3475539.

Bagi pihak DRB-HICOM, sila hubungi Puan Eyasmin Hameed, Pengurus Kanan Komunikasi Strategik Kumpulan di talian 017-6052072.